




Perutusan Ketua President Eksekutif

Sulzer amat komited – dan memastikan kesanggupan pekerjaanya – untuk menjalankan perniagaannya selaras dengan standard etika yang tinggi dan dengan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

Komitmen yang padu ini penting bukan sahaja demi memelihara reputasi Sulzer dan pekerjaanya dan untuk mengelakkan potensi hukuman sivil dan jenayah, tetapi turut mencerminkan nilai murni kita dan oleh itu adalah demi kepentingan Sulzer, pekerjaanya, pemegang sahamnya, pelanggannya dan pemegang kepentingannya yang lain.

Dunia perniagaan semakin hari semakin rumit, dan melibatkan pelbagai undang-undang dan peraturan yang mengawal keputusan perniagaan kita. Justeru itu, Tatakelakuan Perniagaan Sulzer (“Tatakelakuan”) berfungsi sebagai panduan penting untuk anda agar dapat memenuhi harapan kita yang tinggi tentang standard perilaku anda. Sila baca kandungannya dengan teliti kerana anda mendukung tanggungjawab secara individu untuk mengekalkan standard etika tinggi yang harus sentiasa diamalkan semasa berkhidmat untuk Sulzer. Jangan teragak-agak untuk meminta nasihat apabila ragu-ragu, menjalani latihan yang relevan dan melaporkan situasi yang mungkin bercanggah dengan undang-undang yang berkuat kuasa atau standard etika.

Winterthur, 1 November 2022



Suzanne Thoma, Presiden Eksekutif



Tatakelakuan Perniagaan

Perutusan Ketua President Eksekutif	1
1. Prinsip Asas	3
2. Ketepatan dan Kesempurnaan Rekod	4
3. Antitrust dan Persaingan Tidak Adil	4
4. Percanggahan Kepentingan	5
5. Isu-isu Pekerjaan	5
6. Sogokan, Rasuah, Layanan Perniagaan	6
6.1. Am	6
6.2. Kontrak Kerajaan	7
6.3. Sumbangan Politik	7
6.4. Layanan Perniagaan	7
6.5. Garis Panduan Sulzer Mengenai Pencegahan Rasuah dan Pencegahan Sogokan	7
7. Kerjasama dengan Pihak Ketiga	7
8. Sekatan Perdagangan Antarabangsa dan Boikot	8
9. Fraud dan Pencurian	8
10. Perdagangan Orang Dalam	9
11. Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan	9
12. Aset Syarikat dan Maklumat berkaitan Syarikat, Hubungan dengan Media	10
13. Tanggungjawab dan Akibat Pelanggaran Tatakelakuan ini	10

Kita melaporkan semua kejadian yang, menurut pendapat suci hati kita, membangkitkan kebimbangan tentang salah laku atau pelanggaran undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat.

1. Prinsip Asas

1.1 Tatakelakuan ini bertujuan memberikan panduan tentang perilaku perniagaan dalam bidang-bidang penting berhubung dengan aktiviti perniagaan Sulzer. Tatakelakuan tidak menyentuh setiap situasi yang menuntut kepatuhan atau perilaku beretika, tetapi sebaliknya membentangkan standard minimum dan semangat yang mendasari cara bagaimana kita menjalankan perniagaan kita.

1.2 Nilai dan prinsip asas Sulzer termasuk:

a) Kita menghormati dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta peraturan, arahan dan garis panduan dalaman. Dalam erti kata lain:

- Kita tidak memberi atau menerima sogokan. Kita mengelakkan diri daripada memberi atau menerima hadiah yang boleh membangkitkan situasi percanggahan, melanggar standard pihak yang berurusan dengan kita atau melanggar undang-undang.
- Kita tidak terlibat dalam sebarang tindakan atau kealpaan yang boleh dianggap sebagai pelanggaran undang-undang persaingan dan antitrust yang berkuat kuasa, misalnya pertukaran data sensitif dengan pesaing, sama ada secara bertulis atau lisan.
- Kita mengelakkan percanggahan kepentingan dan mendedahkan potensi percanggahan secepat mungkin.
- Kita melindungi maklumat sulit dan keampunyaan kita daripada penggunaan yang tidak dibenarkan.
- Kita menghormati dan memelihara pengetahuan dan hak harta intelek kita.

b) Kita mematuhi standard warga korporat wajar yang diterima di setiap negara di mana kita menjalankan perniagaan.

c) Kita menggalakkan dan mewujudkan persekitaran kerja yang memupuk sikap saling menghormati, terus-terang dan kewibawaan individu, dan kita menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia yang diisytiharkan di persada antarabangsa.

d) Kita melaporkan semua kejadian yang, menurut pendapat suci hati kita, membangkitkan kebimbangan tentang salah laku atau pelanggaran undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat. Laporan boleh diserahkan kepada orang atau jabatan berikut

- Penyelia atau pengurus
- Pegawai kepatuhan syarikat, bahagian atau korporat
- Peguam syarikat
- Jabatan undang-undang korporat
- Badan penyiasat aduan (“ombudsperson”) Sulzer
- Maklumat Hotline www.sulzercompliancehotline.com
- Peguam Am Kumpulan

1.3 Maklumat berguna boleh didapati di Intranet Sulzer.

2. Ketepatan dan Kesempurnaan Rekod

- 2.1 Kita menyimpan rekod perniagaan yang tepat dan sempurna lengkapnya. Semua transaksi perniagaan kita hendaklah direkodkan dengan penuh dan wajar selaras dengan prinsip perakaunan dan pelaporan kewangan Sulzer, dan rekod disimpan atau dimusnahkan selaras dengan program penyimpanan rekod Syarikat Sulzer di mana anda berkhidmat atau Syarikat Sulzer yang memasuki perjanjian dengan anda ("Syarikat").
- 2.2 Masukan yang palsu atau mengelirukan tidak boleh dibuat dalam buku dan rekod Sulzer atau mana-mana anak syarikatnya atas sebarang sebab pun jua, dan pekerja tidak boleh terlibat dalam sebarang perkiraan yang mengakibatkan tindakan yang dilarang tersebut.

Kita menyimpan rekod perniagaan yang tepat dan sempurna lengkapnya.

3. Antitrust dan Persaingan Tidak Adil

- 3.1 Persaingan adil membentuk salah satu prinsip asasi bagi sistem perusahaan bebas dan disokong sepenuhnya oleh Sulzer. Oleh itu, undang-undang antitrust dan persaingan yang berkuat kuasa, yang antara lainnya termasuk undang-undang yang melarang amalan perdagangan tidak adil dan sekatan perdagangan (secara kolektif, "Undang-undang Antitrust") hendaklah dipatuhi dengan sepenuhnya.
- 3.2 Semua pekerja Sulzer hendaklah mematuhi semua Undang-undang Antitrust yang berkuat kuasa, tidak kira sama ada undang-undang tersebut digubal oleh badan supranasional, kebangsaan atau tempatan, dan tidak boleh melibatkan diri dalam sebarang amalan anti-persaingan.
- 3.3 Undang-undang Antitrust menangani amalan perniagaan dengan pembekal, pelanggan dan pesaing. Meskipun Undang-undang Antitrust berbeza antara negara, undang-undang sedemikian lazimnya menangani sekurang-kurangnya tindakan yang dilarang berikut:
 - a) Perjanjian **Penetapan Harga** (sama ada secara rasmi atau sebaliknya) dengan satu atau beberapa pesaing untuk menetapkan atau sebaliknya menjejaskan harga, terma-terma atau syarat-syarat penjualan
 - b) Perjanjian **Peruntukan Pasaran/Pelanggan** (sama ada secara rasmi atau sebaliknya) dengan satu atau beberapa pesaing untuk membahagikan pasaran dan/atau pelanggan
 - c) **Perjanjian Manipulasi bida** (sama ada secara rasmi atau sebaliknya) dengan satu atau beberapa pesaing agar menahan diri daripada membida, atau memasukkan bida pada harga tertentu, atau menyerahkan bida yang diketahui kurang menguntungkan berbanding bida oleh pesaing
 - d) **Perkongsian maklumat sensitif** Mendapatkan atau menyediakan maklumat sensitif (contohnya berkaitan dengan harga semasa atau harga masa hadapan, margin keuntungan atau kos, bida, bahagian pasaran, amalan pengedaran, terma-terma penjualan, rancangan pengeluaran) daripada dan atau kepada pesaing semasa mesyuarat perdagangan, persatuan profesional atau di tempat lain
- 3.4 Semua perjanjian dengan pesaing atau mana-mana pihak ketiga yang mengandungi klausa yang mungkin membawa kesan negatif terhadap persaingan (contohnya eksklusiviti, penentuan harga, julan terikat, sekatan wilayah, diskriminasi harga, tidak bersaing, dan pertukaran maklumat teknikal atau perniagaan yang sensitif) hendaklah disemak dan diluluskan oleh peguam dalaman untuk memastikan kepatuhan dengan Undang-undang Antitrust.
- 3.5 Jika anda mempunyai sebarang soalan berkenaan dengan mana-mana aspek Undang-undang Antitrust sila teliti Garis Panduan Undang-undang Antitrust/Persaingan kita di Intranet Sulzer (*lihat Perkara 1.3 di atas*) dan/atau hubungi peguam dalaman.

Undang-undang antitrust dan persaingan yang berkuat kuasa.



Semua pekerja Sulzer mempunyai kewajiban untuk memastikan bahawa kepentingan luar mereka tidak mengganggu obligasi mereka kepada Syarikat.

4. Percanggahan Kepentingan

4.1 Semua pekerja Sulzer mempunyai kewajiban untuk memastikan bahawa kepentingan luar mereka tidak mengganggu obligasi mereka kepada Syarikat. Oleh itu, anda harus mengelakkan situasi di mana kepentingan peribadi, aktiviti luar, perhubungan atau kepentingan kewangan (langsung atau tidak langsung) anda bercanggah atau tampak bercanggah dengan kepentingan Sulzer.

4.2 Apabila berbangkitnya potensi percanggahan kepentingan atau tampak seperti suatu percanggahan, anda hendaklah memaklumkan pengurus anda, pegawai kepatuhan tempatan atau peguam dalaman untuk membolehkan Sulzer menentukan sama ada percanggahan wujud dan apakah cara terbaik untuk menyelesaikan situasi dalam cara yang adil dan telus.

4.3 Contoh Potensi Percanggahan

- a) Ahli keluarga dan perhubungan peribadi rapat: Berkontrak dengan perniagaan yang diurus oleh kawan rapat atau ahli keluarga
- b) Penggajian/tugasan luar: Bertindak sebagai perunding, pengarah atau pegawai bagi pembekal, pelanggan atau pesaing Sulzer
- c) Kepentingan pemilikan yang ketara: Mempunyai kepentingan dalam syarikat yang mempunyai atau ingin menjalin perhubungan perniagaan dengan Sulzer atau yang bertindak sebagai pesaing Sulzer

4.4 Sulzer menghormati potensi obligasi kontraktual pekerjaanya dengan bekas majikan mereka dan menahan diri daripada mewujudkan situasi percanggahan kepentingan

Sulzer amat komited untuk melaksanakan amalan pekerjaan yang adil dan tidak mendiskriminasi yang antara lainya termasuk langkah menyediakan peluang pekerjaan sama rata dengan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

5. Isu-isu Pekerjaan

5.1 Sulzer amat komited untuk melaksanakan amalan pekerjaan yang adil dan tidak mendiskriminasi yang antara lainya termasuk langkah menyediakan peluang pekerjaan sama rata dengan mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.

- a) Sulzer menghormati latar belakang budaya yang berbeza dan bertekad untuk mematuhi semua undang-undang pekerjaan dan buruh termasuk undang-undang berkaitan dengan penghapusan segala bentuk buruh paksa (termasuk buruh kanak-kanak) dan larangan

terhadap semua bentuk diskriminasi dalam pekerjaan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

- b) Sulzer menggalakkan para pekerjanya mengimbangi komitmen kerja, keluarga dan kemajuan diri.
- c) Penggajian dan kenaikan pangkat di Sulzer dilakukan berdasarkan kemahiran, keupayaan dan prestasi individu. Sulzer memegang komitmen teguh terhadap kepelbagaian dan menyediakan peluang pekerjaan sama rata kepada semua pekerja tanpa mengambil kira jantina, bangsa, warna, usia, agama, asal-usul negara atau faktor lain yang mendiskriminasi.
- d) Aduan pekerja dikaji, disiasat dan diberikan gerak balas secepat mungkin.
- e) Sulzer menggalakkan komunikasi yang terbuka dan tetap antara pengurus dan pasukan mereka.

5.2 Idea dan reka cipta yang dihasilkan oleh pekerja Sulzer merupakan antara aset Sulzer yang paling penting yang perlu sentiasa dilindungi. Maklumat terperinci berkaitan dengan perkara ini dibentangkan dalam Dasar Penggunaan Teknologi Maklumat Sulzer yang boleh didapati di Intranet Sulzer (*lihat Perkara 1.3 di atas*).

5.3 Sulzer menerapkan dasar toleransi sifar terhadap gangguan pekerja yang menyalahi undang-undang (termasuk gerak isyarat, bahasa dan sentuhan fizikal) yang membawa konotasi seksual, paksaan, penyalahgunaan atau eksploitasi, dan menghendaki pekerja mematuhi peraturan tentang gangguan seksual atau bentuk gangguan lain yang berkuat kuasa di negara di mana mereka bekerja, dan agar saling menghormati antara satu sama lain.

5.4 Sulzer menetapkan dasar untuk mewujudkan persekitaran pekerjaan yang selamat untuk pekerjanya. Keganasan di tempat kerja, termasuk ancaman, perilaku yang mengancam, intimidasi, serangan dan perilaku serupa, tidak akan dibiarkan. Sebarang ancaman atau kebimbangan tentang keselamatan atau keselamatan orang lain harus dilaporkan dengan serta-merta kepada penyelia, pengurus sumber manusia, pegawai kepatuhan tempatan atau Talian Hotline Kepatuhan Sulzer (*lihat Perkara 1.3 di atas*). Senjata api tidak dibenarkan di mana-mana premis Sulzer tanpa kebenaran bertulis terdahulu daripada penyelia atau jabatan sumber manusia.

5.5 Semua pekerja Sulzer diharap dapat melaksanakan pertimbangan wajar semasa mengendalikan perniagaan tanpa terjejas oleh dadah atau alkohol. Dadah dan alkohol boleh benar-benar membahayakan keselamatan orang lain dan pengedaran dan penggunaan dadah yang menyalahi undang-undang dan alkohol semasa bekerja sama sekali dilarang tidak kira di mana lokasinya.

5.6 Upah yang dibayar oleh Sulzer adalah sepadan dengan kerja yang dilaksanakan, dan Sulzer membayar upah minimum yang ditetapkan oleh undang-undang.

5.7 Setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, Sulzer menghormati kebebasan berserikat di pihak pekerjanya dan hak mereka terhadap tawar-menawar kolektif menurut lingkungan undang-undang tempatan. Wakil pekerja tidak diberi keutamaan dan tidak didiskriminasi.

6. Sogokan, Rasuah, Layanan Perniagaan

6.1. Am Sulzer melarang dengan keras pembayaran sogokan, sama ada penerima adalah pegawai awam atau pekerja pelanggan swasta.

Sulzer melarang dengan keras pembayaran sogokan, sama ada penerima adalah pegawai awam atau pekerja pelanggan swasta.

Sogokan ditakrifkan dan difahami secara amnya sebagai penawaran atau penerimaan, secara langsung atau tidak langsung, terhadap sebarang hadiah, pinjaman, fi, ganjaran atau kelebihan lain kepada atau daripada mana-mana orang untuk mendapatkan atau diberikan kelebihan yang menguntungkan semasa menjalankan perniagaan.

6.2. Kontrak Kerajaan

- a) Sulzer mematuhi dengan ketat semua peraturan pencegahan rasuah dan pencegahan sogokan dan melarang keras mana-mana pekerja atau agen Sulzer atau pengantara pihak ketiga lain daripada membuat pembayaran tidak wajar, atau memberikan kelebihan tidak wajar kepada pegawai kerajaan yang termasuk semua kakitangan awam dan pegawai cawangan atau agensi kerajaan, serta pekerja perbadanan yang sebahagian besarnya dipegang atau dikawal oleh entiti awam.
- b) Penjualan kepada kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan, atau kepada syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan, ditadbir oleh peraturan ketat yang mesti dipatuhi. Oleh itu, semua balasan kepada permintaan bida yang diserahkan kepada sebarang agensi kerajaan atau syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan hendaklah disemak oleh orang yang benar-benar mengetahui tentang keperluan kepatuhan berkaitan dengan bida sedemikian.
- c) Apa-apa perkara berkaitan dengan perkiraan pekerjaan antara Syarikat dan mana-mana pekerja kerajaan tidak harus dibincangkan, kecuali perkara ini terlebih dahulu disemak dan diluluskan oleh jabatan sumber manusia atau peguam dalaman yang berkenaan.

6.3. Sumbangan Politik Sulzer melarang pemberian sumbangan politik. Satu-satunya pengecualian yang boleh dibuat adalah bagi negara Switzerland, di mana sebarang sumbangan politik memerlukan kelulusan terdahulu oleh CEO.

6.4. Layanan Perniagaan Perbelanjaan yang munasabah dan terhad bagi hadiah, keraian, perjalanan pelanggan dan perbelanjaan sara hidup boleh dibenarkan, dengan syarat perbelanjaan tersebut berkait secara langsung dengan promosi produk atau perkhidmatan atau penyempurnaan kontrak dan dengan syarat manfaat ini tidak mewujudkan percanggahan kepentingan bagi Sulzer atau rakan perniagaan Sulzer, atau melanggar undang-undang yang berkuat kuasa atau peraturan dalaman rakan perniagaan kita.



6.5. Garis Panduan Sulzer Mengenai Pencegahan Rasuah dan Pencegahan Sogokan Untuk takrifan, butir-butir dan penjelasan lanjut (termasuk berkaitan dengan langkah memudahkan pembayaran dan urusan dengan pihak pengantara) sila rujuk kepada “Garis Panduan Sulzer Mengenai Pencegahan Rasuah dan Pencegahan Sogokan” yang boleh didapati di Intranet Sulzer (*lihat Perkara 1.3 Tatakelakuan ini*).

7. Kerjasama dengan Pihak Ketiga

7.1 Semua usaha munasabah akan diambil untuk memastikan bahawa kontrak dengan pihak ketiga yang terlibat dalam penjualan produk dan atau perkhidmatan Sulzer, seperti perunding, agen dan pengedar, mengandungi peruntukan bertulis yang menyatakan bahawa pihak ketiga tersebut berakujanji untuk mematuhi prinsip yang terkandung dalam Tatakelakuan ini.

7.2 Dalam organisasinya, Sulzer menerapkan dengan ketat undang-undang yang melarang penggunaan pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada agen, perunding atau penyedia perkhidmatan lain untuk memintasi keperluan undang-undang yang ditetapkan dalam undang-undang pencegahan rasuah dan pencegahan sogokan yang berkuat kuasa.

Dalam organisasinya, Sulzer menerapkan dengan ketat undang-undang yang melarang penggunaan pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada agen, perunding atau penyedia perkhidmatan lain untuk memintasi keperluan undang-undang yang ditetapkan dalam undang-undang pencegahan rasuah dan pencegahan sogokan yang berkuat kuasa.



- 7.3 Sulzer tidak akan bekerjasama dengan rakan perniagaan yang melanggar hak asasi manusia, seperti menggunakan buruh paksa atau buruh kanak-kanak.
- 7.4 Sulzer menggalakkan pembekalnya menerapkan prinsip yang dibentangkan dalam Tatakelakuan ini.

8. Sekatan Perdagangan Antarabangsa dan Boikot

Keupayaan Sulzer untuk berdagang dalam pasaran dunia disekat oleh peraturan yang dikeluarkan oleh pelbagai negara dan pertubuhan antarabangsa misalnya Bangsa-bangsa Bersatu. Pendedahan teknologi sahaja boleh dianggap eksport. Sulzer mendukung dasar mematuhi dengan sepenuhnya larangan dan keperluan semua undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa yang berkuat kuasa, dan semua pekerja yang terlibat dalam bidang ini seharusnya benar-benar mengetahui tentang undang-undang dan peraturan tempatan dan antarabangsa yang menjejaskan perniagaan mereka. Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan, anda harus mendapatkan nasihat daripada pakar kawalan eksport tempatan atau pegawai kepatuhan perdagangan antarabangsa anda yang mempunyai akses kepada titik perkongsian khas di Intranet Sulzer berkaitan dengan hal-hal kawalan eksport (*lihat Perkara 1.3 Tatakelakuan ini*).

Sulzer mendukung dasar mematuhi dengan sepenuhnya larangan dan keperluan semua undang-undang dan peraturan perdagangan antarabangsa yang berkuat kuasa.

9. Fraud dan Penipuan

- 9.1 Sulzer menetapkan dasar untuk memastikan bahawa kejadian fraud, penggelapan dan pencurian berkaitan dengan Syarikat Sulzer disiasat dan dilaporkan dengan segera dan di mana sesuai, individu akan didakwa dan dibuang kerja.
- 9.2 Sebarang kejadian yang disyaki hendaklah dilaporkan dengan serta-merta, sama ada kepada pegawai kepatuhan yang bertanggungjawab bagi Syarikat atau kepada Talian Hotline Kepatuhan Sulzer di mana laporan juga boleh dibuat tanpa nama. Butir-butir tentang Talian Hotline Kepatuhan Sulzer boleh didapati di Intranet Sulzer (*lihat Perkara 1.3 Tatakelakuan ini*).

Sulzer menetapkan dasar untuk memastikan bahawa kejadian fraud, penggelapan dan pencurian berkaitan dengan Syarikat Sulzer disiasat dan dilaporkan dengan segera dan di mana sesuai, individu akan didakwa dan dibuang kerja.

Untuk tidak berdagang dalam saham, derivatif atau sekuriti lain dalam Sulzer atau syarikat yang berpotensi terjejas oleh penggunaan maklumat dalaman tersebut, atau mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain, sebelum maklumat tersebut didedahkan kepada orang ramai.

10. Perdagangan Orang Dalam

- 10.1** Perdagangan orang dalam adalah dagangan stok atau sekuriti lain seperti bon dan opsyen stok sesebuah syarikat, misalnya Sulzer, oleh individu yang berkemungkinan mempunyai akses kepada maklumat tentang syarikat yang tidak diketahui oleh orang ramai. Di kebanyakan negara, perdagangan oleh orang dalaman korporat adalah menyalahi undang-undang, jika perdagangan ini dilakukan dalam cara yang mengambil kesempatan daripada maklumat yang tidak diketahui oleh orang ramai.
- 10.2** Maklumat Dalaman ditakrifkan secara umum dan sebagai contohnya, mungkin berkait dengan
- a) **Keputusan kewangan** (iaitu potensi keuntungan atau kerugian)
 - b) **Rancangan strategik** (misalnya perolehan, perikatan strategik, penyahlaburan, percantuman)
 - c) **Pembangunan produk**
 - d) **Perubahan pada struktur modal**
- 10.3** Sulzer menghormati hak pekerjaannya untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan, dan menggalakkan pekerjaannya memiliki saham Sulzer. Namun, semua pekerja mempunyai kewajipan fidusiar kepada Sulzer dan pemegang sahamnya untuk tidak berdagang dalam saham, derivatif atau sekuriti lain dalam Sulzer atau syarikat yang berpotensi terjejas oleh penggunaan maklumat dalaman tersebut, atau mendedahkan maklumat tersebut kepada orang lain, sebelum maklumat tersebut didedahkan kepada orang ramai. Pelanggaran prinsip ini boleh membawa kepada pendakwaan jenayah dan sivil.

Semua pekerja bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat dengan mematuhi peraturan dan amalan alam sekitar dan kesihatan dan keselamatan, dan melaporkan kemalangan, kejadian dan peralatan, amalan dan keadaan yang tidak selamat.

11. Alam Sekitar, Keselamatan dan Kesihatan

- 11.1** Kesihatan dan keselamatan pekerjaan amat dititikberatkan oleh Sulzer, dan Sulzer benar-benar komited untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk pekerjaannya. Oleh itu, Sulzer berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan kekerapan kemalangan serta tahap serius sesuatu kemalangan di setiap Syarikat. Semua pekerja bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja adalah selamat dan sihat dengan mematuhi peraturan dan amalan alam sekitar dan kesihatan dan keselamatan, dan melaporkan kemalangan, kejadian dan peralatan, amalan dan keadaan yang tidak selamat. Semua pekerja Sulzer dimestikan mematuhi peraturan kesihatan dan keselamatan Syarikat mereka untuk melindungi diri mereka serta orang lain.
- 11.2** Di Sulzer, kita mengetahui dan mematuhi
- a) standard tempatan bagi peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, atau
 - b) jika tiada standard tempatan atau jika standard tempatan tidak mencukupi untuk melindungi keselamatan dan kesihatan dengan sewajarnya, atau jika wujud peraturan dalaman yang lebih ketat, dengan peraturan dalaman sedemikian, atau
 - c) jika tiada peraturan dalaman sedemikian, dengan prinsip amalan antarabangsa terbaik.
- 11.3** Sulzer menetapkan komitmen untuk mereka bentuk produknya selaras dengan standard industri yang berkuat kuasa dan keperluan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang berkenaan dan menyokong pendekatan berjaga-jaga untuk menangani cabaran alam sekitar, melaksanakan inisiatif untuk mendorong tanggungjawab alam sekitar yang lebih meluas dan menggalakkan pembangunan dan penyebaran teknologi mesra alam sekitar.

- 11.4** Sulzer menyediakan nasihat kepada pelanggannya tentang pengangkutan, pengendalian, penggunaan dan pemusnahan produk Sulzer dengan selamat (jika perlu) dalam cara yang selamat dan mesra alam sekitar.

12. Aset Syarikat dan Maklumat berkaitan Syarikat, Hubungan dengan Media

- 12.1** Semua pekerja diminta mengendalikan harta Sulzer dengan berhati-hati dan untuk melindunginya daripada kerosakan, kemusnahan dan pencurian. Maklumat sulit Sulzer (termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat teknikal, perdagangan dan undang-undang) dan rahsia perdagangan merupakan aset korporat yang penting dan wajar diberikan perlindungan yang sama seperti aset fizikal. Semua pekerja hendaklah berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat sedemikian kepada orang yang tidak dibenarkan, sama ada di dalam atau di luar Sulzer, dan hendaklah melindungi kerahsiaan maklumat sedemikian daripada pihak ketiga, seperti pelanggan atau pembekal.

- 12.2** Beberapa contoh tentang maklumat sulit:

- a) Maklumat teknikal tentang produk dan/atau proses semasa atau dirancang
- b) Rancangan perolehan, senarai vendor atau harga pembelian
- c) Strategi kos, penentuan harga, pemasaran atau perkhidmatan
- d) Data pelanggan termasuk nama dan alamat pelanggan dan maklumat tentang urusan pelanggan dengan Sulzer
- e) Laporan pendapatan dan laporan kewangan lain yang tidak diterbitkan kepada orang ramai
- f) Maklumat berkaitan penyahlaburan, percantuman dan perolehan

- 12.3** Tiada pekerja selain daripada pekerja yang diberikan kebenaran dengan khusus oleh Sulzer (wakil pekerja dianggap diberi kebenaran berhubung dengan bidang khusus mereka) boleh memberi kenyataan atau menjawab pertanyaan daripada ahli media tentang apa-apa hal berkaitan dengan atau menjejaskan Sulzer. Hanya jurucakap yang ditakrifkan sewajarnya di peringkat Korporat, Bahagian atau Tempatan boleh berhubung dengan pihak media.

- 12.4** Sulzer menggunakan usaha terbaiknya untuk memberikan maklumat yang wajar tentang produk dan perkhidmatannya kepada pelanggannya dan rakan niaga lain atau pihak-pihak yang berkenaan.

13. Tanggungjawab dan Akibat Pelanggaran Tatakelakuan ini

- 13.1** Kepatuhan merupakan tanggungjawab setiap pekerja.

- 13.2** Sulzer menjangkakan bahawa pekerjaannya akan melaporkan semua kejadian yang, menurut pendapat suci hati mereka, mungkin melibatkan pelanggaran undang-undang, peraturan atau nilai beretika. Laporan tersebut harus dibuat melalui saluran yang disebut dalam Perkara 1.2 d di sini.

- 13.3** Presiden-presiden semua entiti undang-undang Sulzer bertanggungjawab melaksanakan ketekunan wajar untuk memastikan bahawa pekerja Syarikat mereka masing-masing mematuhi peraturan Tatakelakuan ini, serta undang-undang yang relevan bagi perniagaan mereka, dan bahawa pekerja mereka menjalani latihan tetap yang diperlukan bagi fungsi mereka.

Semua pekerja hendaklah berhati-hati agar tidak mendedahkan maklumat sedemikian kepada orang yang tidak dibenarkan, sama ada di dalam atau di luar Sulzer, dan hendaklah melindungi kerahsiaan maklumat sedemikian daripada pihak ketiga, seperti pelanggan atau pembekal.

Kepatuhan merupakan tanggungjawab setiap pekerja.

13.4 Sulzer bertekad untuk membina persekitaran pekerjaan dan budaya etika yang terbuka, di mana pekerja dapat menjalin perhubungan berasaskan kepercayaan dan bukannya hukuman. Walau bagaimanapun, apabila perlu, Sulzer tidak akan teragak-agak untuk mengambil langkah yang sesuai, termasuk pembuangan kerja, untuk memastikan Tatakelakuan ini dan undang-undang yang berkuat kuasa dipatuhi dengan sewajarnya dan prinsip etika yang termaktub di dalam Tatakelakuan kita dihormati.

Pengishtiharaan Persetujuan

Saya dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami Tatakelakuan Perniagaan Sulzer. Saya bersedia mematuhi peraturannya dan memahami bahawa pelanggaran Tatakelakuan ini boleh membawa kepada hukuman tatatertib, termasuk pembuangan kerja.

.....
Tempat, Tarikh

Nama Pekerja
(Dalam huruf besar)

Tandatangan Pekerja

Tatakelakuan Perniagaan

Sila kembalikan muka surat ini kepada Majikan

Saya dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami Tatakelakuan Perniagaan Sulzer. Saya bersedia mematuhi peraturannya dan memahami bahawa pelanggaran Tatakelakuan ini boleh membawa kepada hukuman tatatertib, termasuk pembuangan kerja.

Tempat, Tarikh

Nama Pekerja
(Dalam huruf besar)

Tandatangan Pekerja